

# **KEBERKESANAN FASILITATOR MENYAMPAIKAN INPUT ELEMEN-ELEMEN KBAT SEMASA KURSUS ORIENTASI PELAPIS JURULATIH UTAMA (JU) MUDA KBAT FASA 1**

*Ong Siow Kim<sup>1</sup>  
Faridah Anum Abdul Wahid  
Anita Sapura Shaari  
Hoh An Nui  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas  
kim@ipgkik.edu.my<sup>1</sup>*

## **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan fasilitator menyampaikan elemen-elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kursus orientasi pelapis Jurulatih Utama Muda KBAT Fasa 1 pada 27 Februari 2016. Para fasilitator adalah seramai lapan orang Jurulatih Utama Muda (JUM) KBAT Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) yang telah mengikuti kursus KBAT dan dilantik sebagai JUM KBAT IPGKIK. Mereka mempunyai kelayakan melaksanakan kursus untuk pelapis JUM KBAT yang lain. Responden kajian adalah 28 orang pelapis JUM KBAT sebagai peserta kursus tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan instrumen ujian pra dan ujian pasca mengenai elemen KBAT, dan pendekatan kualitatif berdasarkan catatan pemerhatian tiga orang pensyarah Biro JUM KBAT IPGKIK yang berada sepanjang masa kursus itu berlangsung. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lapan orang fasilitator JUM KBAT telah menyampaikan input elemen-elemen KBAT dalam kursus orientasi pelapis JUM KBAT Fasa 1 dengan berkesan. Mereka menunjukkan keyakinan diri serta keupayaan untuk berfikir secara matang dan rasional semasa menjalankan kursus itu. Ini mungkin adalah kerana mereka telah dilengkapi dengan kemahiran untuk menjalankan latihan serta pengetahuan yang kukuh mengenai elemen-elemen KBAT iaitu taksonomi Bloom, teknik penyoalan, peta i-THINK serta proses pemikiran yang terlibat dalam setiap peta tersebut.*

**Kata kunci:** fasilitator, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Jurulatih Utama Muda (JUM) KBAT, peta pemikiran, teknik penyoalan

## **Abstract**

*This research sought to assess the effectiveness of facilitators in imparting knowledge about the elements of Higher Order Thinking Skills (HOTS) during the HOTS Orientation Course for Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) Junior HOTS Trainers which was held on 27 February 2016. The facilitators were eight Junior HOTS Trainers who had attended the HOTS course and were appointed as Junior HOTS Trainers of the college. Thus, they were trained to handle courses of similar nature to Junior HOTS Trainer recruits. The respondents of this study were 28 Junior HOTS Trainer recruits who attended the course. This research adopted the mixed method of data collection which encompassed a pre- and post-test about HOTS elements and observation notes of three HOTS Junior Trainers Bureau lecturers who were present throughout the course. Findings of the research revealed that the eight student facilitators had effectively imparted knowledge about the HOTS elements during the HOTS Orientation Course for IPGKIK Junior Trainers. They displayed self confidence and the ability to think maturedly and rationally throughout the course. This could be because they have been equipped with relevant training skills and knowledge of the HOTS elements, which include Bloom's taxonomy, questioning techniques, i-THINK maps and the thinking process involved for each map.*

**Keywords:** facilitator, Higher Order Thinking Skills (HOTS), Junior HOTS Trainers, i-THINK maps, questioning techniques

